

Gunanya kekerasan: Mahathir UM 3 DEC 1990 jelaskan sokongan Malaysia

KUALA LUMPUR 2 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan Malaysia menyokong usul penggunaan kekerasan ke atas Iraq di Bangsa-Bangsa Bersatu kerana mahu krisis Teluk selesai segera agar perhatian dapat dialihkan semula kepada masalah Palestin.

Perdana Menteri berkata, tindakan Iraq menyerang dan menduduki Kuwait telah menyebabkan masalah Palestin dilupakan.

Katanya, langkah ini dijangka dapat menyelesaikan segera krisis itu berbanding dengan penggunaan berbagai sekatan yang dipersetujui sebelum ini yang berdasarkan pengalaman kadang kala mengambil masa berbulan dan bertahun.

Beliau yang juga Presiden UMNO menjelaskan demikian sewaktu menggulung perbincangan di akhir Perhimpunan Agung UMNO sebagai menjawab beberapa pertanyaan oleh para perwakilan mengapa Malaysia menyokong usul yang dibawa oleh Amerika itu.

"Kita menyokong usul itu bukan kerana kita sayang Amerika tetapi kita tidak boleh menganiaya Kuwait sebab kita benci Amerika," katanya.

Katanya kerajaan membuat keputusan menyokong usul berkenaan setelah memikirkan secara mendalam mengenai-nya.

Beliau berkata sekali pun Malaysia tidak suka penglibatan Amerika dalam krisis Teluk tetapi tidak menyalahkan Arab Saudi kerana meminta bantuan Amerika.

"Orang yang sedang lemas, jika hulurkan tangan, dia tidak akan bertanya sama ada itu tangan Islam atau Kristian," ujarnya.

Katanya Malaysia sendiri pernah melalui pengalaman diserang oleh sebuah negara jiran yang penduduknya majoriti beragama Islam dan meminta bantuan dari negara-negara bukan Islam.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata Malaysia bersetuju dengan tindakan sekatan ke atas Iraq tetapi yang menderita ialah rakyat Kuwait kerana jika ada makanan rakyat Iraq yang mendapatnya dulu.

"Kalau nak tunggu hasil sekatan, kena tunggu berbulan-bulan dan bertahun-tahun. Sekatan ke atas Afrika Selatan sudah 10 tahun tidak ada kesan," ujarnya.